

PM hadir sidang tahun depan jika belum bersara

PHNOM PENH 5 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 di Bali, Indonesia tahun depan jika ia diadakan sebelum persaraannya.

“Kalau saya belum bersara ketika mesyuarat itu diadakan, saya akan hadir tetapi kalau saya sakit, saya tidak akan hadir,” katanya ketika mengulas sama ada sidang kemuncak di Bali yang dijadualkan pada 7 dan 8 Oktober tahun depan merupakan sidang kemuncak yang terakhir buat beliau.

Bercakap pada sidang akhbar di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, beliau juga belum pasti sama ada sidang kemuncak ke-8 yang diadakan di sini merupakan yang terakhir baginya.

Dr. Mahathir pada Jun lalu mengumumkan persaraannya daripada memegang jawatan Perdana Menteri selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) pada akhir Oktober tahun depan.

Mengenai masa depan ASEAN, Perdana Menteri menegaskan, ASEAN kini merupakan badan serantau yang disegani kerana sejak pemulihannya daripada kegawatan ekonomi, ia semakin diburu dan diminati oleh negara-negara lain.

“Pandangan terhadap ASEAN berubah-ubah daripada sebuah kerjasama yang dikatakan tidak berguna hinggalah kini menjadi badan serantau yang penting dalam ekonomi dunia.

“Setelah berlaku krisis kewangan, kita nampak ia mampu pulih sendiri dan kini ia merupakan satu kuasa ekonomi di Asia Tenggara,” katanya. — *Utusan*